

# Industri kereta berkembang lebih cepat: PM

BH - 2 AUG 1994

RAWANG, IsmIn - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ~~yakin~~ Malaysia mampu mengeluarkan sepenuhnya kereta sendiri tanpa menggunakan komponen dari luar, dalam tempoh 10 hingga 15 tahun lagi.

Menurut Perdana Menteri, tempoh sasaran itu dianggap bersesuaian kerana industri kenderaan di negara ini mencapai kemajuan menggalakkan sekarang.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak yang terbabit dalam industri automobil di negara ini meningkatkan penggunaan barangan tempatan dan mengeksport kenderaan itu atau alat gantinya, secepat mungkin.

"Kebanyakan negara biasanya mengambil masa 50 hingga 60 tahun untuk mengeluarkan kereta sendiri tetapi kita di sini mencapai kemajuan lebih cepat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kilang Kereta Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) di Mukim Serendah, di sini, hari ini.

Kilang kereta nasional kedua, *Kancil* yang meliputi kawasan 80 hektar itu siap Februari lalu dan mempunyai keupayaan pengeluaran maksimum 45,000 unit kereta setahun.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib; Pen-

gerusi Perodua, Raja Tun Mohar Raja Badiozaman; Presiden Daihatsu Motor Co Ltd, Takashi Toyozumi; dan Presiden Majlis Perdagangan Luar Jepun, Koichiro Ejiri.

Dr Mahathir berkata, peningkatan penggunaan bahan tempatan akan meningkatkan keupayaan dalam bidang kejuruteraan kereta serta menyekat pengaliran keluar wang.

Menurutnya, usaha kerajaan mengindustrialisasikan industri motor negara sebelum ini menghadapi pelbagai masalah kerana ramai orang yang meragunya sama ada di dalam atau luar negara.

"Bagaimanapun Proton kini mencapai kejayaan membanggakan dari segi komersial dan lebih penting ia berjaya sebagai satu impetus membantu industri automobil Malaysia berkembang.

"Malah, Malaysia kini mampu mengeluarkan lebih 80 peratus komponen kenderaan bermotor," katanya.

Sebelum itu, dalam ucapannya Perdana Menteri meminta firma tempatan merekacipta, membangun dan mengeluarkan automobil tulen bagi memenuhi pasaran tempatan serta menembusi pasaran antarabangsa.

Beliau berkata, ketika ini negara masih jauh daripada mencapai matlamat mengeluarkan automobil sendiri.